


112

110



**BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KEDUA
BAGI PENGGAL YANG KEDUA DEWAN UNDANGAN
NEGERI PULAU PINANG
YANG KEENAM YANG AKAN DIADAKAN
PADA HARI 1HB. OGOS, 1983**

BIL: PSUK/PP/007.1.20

MESYUARAT YANG KEDUA BAGI PENGGAL YANG KEDUA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM YANG AKAN DIADAKAN PADA HARI ISNIN, 1HB. OGOS, 1983, JAM 9.30 PAGI DI DEWAN UNDANGAN NEGERI, LEBUH LIGHT, PULAU PINANG.

SUSUNAN URUSAN MESYUARAT

1. **DOA.**

2. **Pengumuman oleh Tuan Speaker.**

3. **Membentangkan Risalat-Risalat.**

Bil. 10 Tahun 1983 — Penyata Kira-Kira Majlis Perbandaran Pulau Pinang Bagi Tahun Berakhir 31hb. Disember, 1980.

Bil. 11 Tahun 1983 — Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang Bagi Tahun 1982.

4. **SOALAN-SOALAN**

(A) (Mulut)

(I) Y.B. Encik Karpal Singh bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

1. Apakah sebabnya Y.B. Datuk T. Subbiah yang menjaga Jabatan Tanah dan Galian Pulau Pinang begitu senyap terhadap surat terbuka Y.B. Karpal Singh bertarikh 7hb. Januari, 1983 yang bertanyakan sama ada tanah negeri telah diberimilik kepada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sekarang termasuk Y.A.B. Ketua Menteri? Jika ada, bilakah tanah-tanah tersebut telah diberimilik dan sebutkan luasnya? Berapakah harga yang kena dibayar bagi tanah-tanah yang diberimilik itu?
2. Adakah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan termasuk Y.A.B. Ketua Menteri bersedia mengisytirkan secara terbuka (publicly declare) sama ada terdapat tanah Negeri yang telah diberimilik kepada mereka? Berapakah luasnya tanah tersebut dan harga yang dibayar? Jika tidak, nyatakan sebab-sebab mengapa beliau tidak bersedia berbuat sedemikian demi kepentingan orang ramai?
3. (a) Adakah cadangan untuk membina KOMTAR hingga ke tingkat 65 sebagai imana dicadangkan pada permulaannya? Jika ya, adakah projek ini digalakkan dari segi kewangan memandangkan kepada kemelesetan ekonomi sedunia di samping keadaan kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang tidak memuaskan?
- (b) Berapakah kos keseluruhan projek KOMTAR dan sumber-sumber kewangan bagi membiayai projek tersebut?

Sebutkan jumlah wang yang telah dibelanjakan setakat ini di atas projek tersebut.

- (c) Adakah Kerajaan Negeri sedia mengkaji semula projek KOMTAR memandangkan kos yang sedang melambong tinggi serta bahaya memusatkan pejabat-pejabat Kerajaan dan pusat-pusat perniagaan di bawah satu bumbong seandainya berlakunya kebakaran?
 - (d) Adakah punca-punca berlakunya kebakaran di KOMTAR pada 22hb. Januari, 1983 dan kerugian yang dialami akibat kebakaran tersebut?
4. Bilakah Bukit Gambier dikeluarkan daripada 'Land Conservation Act', 1960?
 5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri huraikan butir-butir segala keuntungan atau kerugian yang dialami oleh anak-anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang setakat ini?
 6. Adakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memperbetulkan penyelewengan dalam Jabatan Tanah dan Galian Pulau Pinang yang mendesak siasatan-siasatan dijalankan oleh Badan Pencegah Rasuah dalam tahun 1980? Sebutkan segala hasil yang didapati dari penyiasatan tersebut.
 7. Nyatakan perkembangan dalam rundingan terhadap pembayaran ganti rugi kepada penduduk-penduduk yang terlibat dengan projek pembangunan di Estet Thean Teik.
 8. Adakah Kerajaan Negeri bersediaewartakan sekali lagi Bukit Gambier sebagai kawasan bukan tempat kediaman dan memajukannya bagi rekreasi awam sebagaimana cadangan oleh satu pasukan penyelidikan Alam Sekitar Universiti Sains Malaysia dalam bulan Jun Tahun ini? Jika tidak, beri sebab-sebabnya.
 9. Berapakah ganti rugi yang dibayar kepada penghuni lapan buah rumah di Jalan Mesjid Negeri yang terlibat dengan projek skim penyuraian lalulintas di kawasan itu?
 10. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk memulihkan 'Suffolk House' yang bersejarah di Jalan Ayer Itam?
 11. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mendesak Kerajaan Persekutuan mengembalikan taraf pelabuhan bebas Negeri Pulau Pinang? Jika tidak, beri sebab-sebabnya.
 12. Berapakah wang pendahuluan yang telah diberikan kepada Pegawai Daerah, Daerah Timur Laut, semasa lawatan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong ke Pulau Pinang pada tahun ini. Bagaimanakah wang ini telah dibelanjakan?
 13. Adakah apa-apa wang pendahuluan persendirian yang diberi kepada pegawai-pegawai awam semasa lawatan D.Y.M.M. Seri

Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong ke Pulau Pinang pada tahun ini? Jika ya, berapa banyak dan untuk tujuan apa?

14. Adakah Kerajaan bersedia untuk memberi satu tempat kebanggaan Negeri ini untuk menempatkan patung Francis Light bagi menggantikan tempat letaknya sekarang, yang mana merupakan satu penghinaan kepada pengasas Pulau Pinang?

(II) Y.B. Encik Teoh Teik Huat bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

1. (a) (i) Berikan nama tiga orang wakil daripada Pulau Pinang yang telah dilantik menduduki Lembaga PERDA.
 (ii) Adakah ketiga-tiga orang wakil telah dilantik oleh Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan?
 (iii) Nyatakan sebab-sebab mengapa hanya tiga orang wakil sahaja dilantik daripada Pulau Pinang dan bukan lebih, memandangkan kerja-kerja PERDA melibatkan pembangunan Negeri Pulau Pinang.
 (iv) Adakah benar Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga dilantik oleh Menteri yang bertanggungjawab?
- (b) Adakah sejak pelancaran PERDA pada 1hb. Jun tahun ini, Lembaga berkenaan telah berunding dengan Kerajaan Negeri mengenai mana-mana projek tertentu atau kawasan-kawasan yang diperuntukkan untuk pembangunan? Jika ya, beri butir-butir lanjut; dan jika tidak, mengapa?
2. (a) Bilakah Kerajaan Negeri memohon wang sejumlah \$176.4 juta sebagai tambahan untuk rancangan perumahan awam kos rendah daripada Kerajaan Persekutuan?
 (b) Apakah balasan Kerajaan Persekutuan terhadap permohonan itu?
 (c) Nyatakan kawasan dan bilangan unit bagi setiap kawasan di mana rumah awam kos rendah akan dibina dengan wang yang dipohon itu.
3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa rumah-rumah pangsa di Taman Free School yang telah siap dibina dan diperuntukkan kepada pemohon-pemohon yang berjaya lebih dua tahun dahulu masih didapati belum lagi didiami? Jika ya, bolehkan beliau mengarahkan supaya unit-unit yang masih belum didiami itu ditarik balik dan diberi kepada mereka-mereka yang benar-benar memerlukan?
4. Memandangkan terdapatnya berbagai pertikaian di antara pemaju-pemaju dan penyewa-penyewa atau mereka-mereka yang menduduki tanah persendirian, adakah Kerajaan Negeri akan menubuhkan sebuah jawankuasa atau panel tetap untuk menyelesaikan pertikaian-pertikaian seumpama itu yang juga sebagai sebuah badan di mana masalah tuan-tuan tanah dan penyewa-penyewa boleh disalurkan untuk mendapat nasihat dan penyelesaian?

5. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar adanya sebuah rancangan untuk memperindahkan jalanraya dua lorong dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas ke Green Lane? Jika ya,
 - (a) bagaimanakah jalanraya itu akan diperindahkan;
 - (b) apakah tujuan menjalankan projek tersebut; dan
 - (c) berapakah jumlah perbelanjaan yang dianggarkan bagi projek ini?
6. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk menyerahkan beberapa daripada perkhidmatan-perkhidmatan awam kepada sektor swasta sejajar dengan seruan Kerajaan Persekutuan untuk memperbanyakkan penyertaan sektor swasta? Jika ya, apakah jenis-jenis perkhidmatan awam yang terlibat dalam urusan ini dan bilakah pengambilalihan akan bermula?
7. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan kepada Dewan ini sama ada Kerajaan Negeri akan menimbang untuk mengkaji semula projek mengembangkan bandaraya Georgetown dan Adelaide memandangkan kepada keadaan setelah wujud selama 10 tahun dengan membelanjakan wang yang begitu banyak ke atas berbagai aktiviti yang bersangkutan, selain daripada perhubungan di antara pegawai-pegawai kerajaan di kedua-dua bandaraya, perhubungan di antara rakyat kedua-dua bandaraya tidaklah seerat mana seperti disangkakan? Jika ya, adakah cadangan yang akan dilaksanakan? Jika tidak, mengapa?
8. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar Kerajaan Negeri akan mengadakan mini olimpiik yang dijadualkan pada akhir tahun ini? Jika ya,
 - (a) apakah maksud mengadakan satu acara sukan seumpama itu memandangkan negeri kita kini memang telah mempunyai berbagai acara sukan di dalam Negeri pada setiap tahun;
 - (b) apakah jumlah perbelanjaan yang dianggap perlu untuk mengadakan acara itu; dan
 - (c) sama ada projek ini baik untuk dijalankan memandangkan keadaan ekonomi merosot dan tambahan pula wang diperlukan untuk program-program sosial?
9. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini:—
 - (a) apakah yang dimaksudkan oleh Jurutera Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) apabila beliau mengatakan di dalam akhbar bahawa keadaan condong tiga blok bangunan rumah pangsa lima tingkat di Off Lorong Mahsuri, Bayan Baru, hanyalah kerana 'kesilapan pembinaan' (Construction error) sahaja;
 - (b) berapakah jumlah perbelanjaan yang terlibat untuk

memperkuatkan asas bangunan (foundation) bagi menahan daripada condong lagi dan juga untuk mengadakan "load testing" bagi memastikan bangunan-bangunan itu tegak;

(c) adakah "load testing" yang serupa dijalankan ke atas 18 buah blok rumah pangsa yang lain? Jika tidak, adakah "load-testing" akan dijalankan ke atas bangunan-bangunan tersebut; dan

(d) bilakah mereka yang telah membeli rumah pangsa itu boleh mendiami rumah-rumah mereka?

10. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa rumah pangsa di Taman Tun Sardon adalah kurang bermutu (sub-standard) dengan tangki septik yang rosak, paip bocor, najis yang melimpah keluar dan siling yang jatuh? Jika ya, bolehkah Y.A.B. mengarahkan supaya satu siasatan penuh diadakan untuk menentukan sebab-sebab berlakunya perkara-perkara ini dan mengumumkan keputusan siasatan itu kepada orang ramai serta mengambil tindakan sewajarnya?
11. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan sama ada sebuah tapak telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi maksud membina sebuah akuarium baru? Jika tidak, mengapa dan jika ya, dimanakah letaknya tapak itu serta perbelanjaan yang dianggarkan perlu untuk pembinaan akuarium tersebut? Adakah perbelanjaan pembinaan ini akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan ataupun ditanggung bersama? Bagaimana penyelenggaraan akuarium tersebut, adakah akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan ataupun ditanggung bersama?
12. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar tentang pantai-pantai laut di Gurney Drive, Tanjong Bungah dan Batu Ferringhi yang merupakan daya penarik utama pelancung-pelancung kini tercemar dengan sampah sarap dan bangkai yang bertaburan di laut dan di tepi pantai? Jika ya, apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengawal dan melindungi alam sekitar kita?
13. Walaupun masalah banjir di kawasan Pengkalan Kota telah dibangkitkan berulang kali di dalam Dewan yang mulia ini dan diberi jaminan bahawa ianya akan diatasi, mengapa masih belum ada apa-apa tindakan yang dilakukan? Bolehkah Kerajaan Negeri mengadakan satu rancangan untuk menyelesaikan masalah banjir di kawasan tersebut? Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa?
14. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini adakah Bangunan Tuanku Syed Putra akan disewa atau dipajak atau dijual kepada Kerajaan Persekutuan setelah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berpindah ke KOMTAR? Di bawah syarat-syarat apakah ianya akan disewa, dipajak atau dijual kepada Kerajaan Persekutuan?

15. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa borang-borang permohonan rumah kos rendah tidak mempunyai ruang memberi keterangan tentang keadaan kehidupan pemohon-pemohon, khususnya mereka dari Pengkalan Kota, di mana ramai di antara mereka tinggal di rumah-rumah yang didapati dalam keadaan buruk, bahaya dan terlalu sesak serta juga rumah-rumah yang telah dibina sebelum perang yang bumbungnya telah hampir runtuh? Jika ya, bolehkan beliau mengambil perhatian atas perkara ini dan meminda borang-borang permohonan itu agar dilengkapi dengan ruang untuk maklumat tersebut dan juga memastikan faktor ini diberi lebih keutamaan bila memilih pemohon yang berjaya?
16. Sila nyatakan:—
 - (a) bilangan permohonan untuk rumah kos rendah yang telah diterima oleh Bahagian Perumahan Negeri dari penduduk-penduduk kawasan Pengkalan Kota sejak 1974; dan
 - (b) bilangan permohonan yang berjaya dari kawasan Pengkalan Kota setakat ini.
17. Memandangkan kepada masalah kekurangan perumahan yang begitu mendesak di kawasan Pengkalan Kota, adakah keutamaan yang lebih akan diberi kepada penduduk-penduduk kawasan tersebut untuk membeli rumah pangsa yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang di tanah yang ditebusguna di Gat Lebu Macallum?
18. (a) Bilakah cabutan bagi unit-unit rumah kos rendah yang akan datang diadakan?
- (b) Di kawasan-kawasan manakah projek perumahan tersebut dan bilangan unit yang terlibat dalam cabutan itu?

(III) Y.B. Tuan Haji Adnan @ Isa bin Hj. Ramli bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

1. Memandangkan projek-projek perumahan murah Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih tidak memenuhi keperluan rakyat yang makin bertambah, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membenarkan Jabatan Perumahan Negara (JPN) menjalankan projek perumahan di Negeri ini?
2. Berapakah jumlah permohonan yang diterima oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mendapatkan rumah murah Kerajaan? Berapakah pula jumlah pemohon yang berjaya mendapat rumah-rumah tersebut semenjak Kerajaan Negeri mengadakan rancangan ini?
3. Bilakah pindaan Undang-Undang Ugama Islam Negeri Pulau Pinang akan siap dan mula dilaksanakan?
4. Berapakah luasnya tanah di Negeri Pulau Pinang yang dimiliki oleh rakyat asing?

5. Adakah Kerajaan Negeri bercadang hendak menukar nama Jalan Caunter Hall kepada Jalan P. Ramlee?
6. Bilakah Jalan Ptg. Nibong/Kg. Pertama dan jalan di belakang Pekan Kubang Semang akan ditarkan?

(IV) Y.B. Tuan Haji Yusoff Hilmi b. Hj. Shafie bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

1. Ke manakah Titi Timbul yang sudah tiada digunakan lagi akan dipindahkan?
2. Apakah tindakan selanjutnya ekoran dari lawatan Datuk Khor Gark Kim pada 10hb. Jun, 1983 ke titi di Jalan Sungai Lembu ke Pondok Labu, Kulim, yang telah runtuh dan pembetungannya telah pecah?
3. (a) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa semenjak Pintu Ampang Jajar dibina mata pencarian penangkap-Penangkap ikan darat dan udang galah di kawasan itu telah merosot?
(b) Bolehkah pintu ampangan tersebut dibuka di masa air pasang sekurang-kurangnya dua kali sebulan?
4. Adakah pihak Jabatan Pertanian telah menyediakan kemudahan pertanian yang mencukupi seperti traktor Kubota dan lain-lain lagi bagi kawasan-kawasan pemulihan oleh sebab jika tidak dilakukan, tanah itu menjadi tanah terbiar dengan tidak diusahakan?

(V) Y.B. Tuan Haji Yahaya bin Ahmad bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

1. (a) Apakah rancangan Kerajaan terhadap tanah kosong Kerajaan seluas 30 ekar di Mukim 1, Pantai Acheh, Daerah Barat Daya, yang telah ditambun dengan tanah merah?
(b) Apakah yang akan dilaksanakan bagi faedah penduduk-penduduk tempatan di Telok Bahang?
2. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam menyediakan kemudahan bagi memenuhi keperluan dari segi perumahan dan ugama pekerja-pekerja yang beragama Islam di kilang-kilang di Bayan Baru?
3. (a) Apakah tindakan Kerajaan bagi menguatkuasakan had laju dan juga mengawal keadaan meletak bas-bas kilang di kawasan Kilang N.S. supaya lalulintas di sepanjang lebuh raya antara bandar Georgetown dan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas tidak terganggu?
(b) Apakah tindakan yang telah diambil bagi mengurangkan kemalangan dan kesesakan lalulintas semasa pekerja-pekerja keluar dan masuk ke kilang-kilang tersebut?
4. Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan

bagi mengelakkan banjir yang selalu berlaku ketika hujan lebat di jalan berhadapan dengan Kilang N.S. Bayan Lepas, dari Pekan Sungai Tiram hingga ke Sungai Keluang?

5. Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memperindahkan kawasan-kawasan di luar dari bidangkuasa MPPP, yang mana terletak di bawah kawalan JKR supaya keadaan bahu-bahu jalan, tepi-tepi jalan dan jalan-jalan diselenggarakan dengan baik dan bersih?

(VI) Y.B. Dr. Khoo Soo Kheng bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

1. Nyatakan nama sungai-sungai di negeri Pulau Pinang yang didapati tercemar dan adakah benar Sungai Juru, mengikut laporan dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, disifatkan sebagai sebuah sungai yang sedang menghadapi pencemaran yang paling buruk di negara kita? Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memulih dan menghidupkan semula sungai ini?
2. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar tentang kurangnya tempat-tempat hiburan di kawasan Seberang Perai Selatan dan adakah Kerajaan Negeri akan membina sebuah kolam-renang dan sebuah taman bunga di Seberang Perai Selatan? Jika ya, bilakah projek-projek ini akan dilaksanakan? Jika tidak, mengapa?
3. Adakah butir-butir teknikal tentang projek pembinaan jambatan Batu Kawan-Bukit Tambun telah selesai? Sekiranya pembinaan jambatan ini ditangguhkan buat sementara memandangkan kepada kemelesetan ekonomi, adakah pembinaan jambatan ini akan disegerakan sebaik sahaja ekonomi negara telah pulih?
4. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar semasa satu kebakaran kecil yang berlaku di sebuah rumah di Taman Mas, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan pada hujung tahun 1982, air dari paip air yang digunakan oleh ahli-ahli Bomba telah menghadapi kesukaran memadamkan api disebabkan tekanan? Adakah tekanan air di Seberang Perai Selatan akan diperbaiki bagi mengelakkan keadaan seperti ini daripada berulang lagi pada masadepan?
5. Adakah sebuah dewan orang ramai akan dibina di Kompleks Sungai Jawi bagi kegunaan rakyat di Seberang Perai Selatan? Jika ya, bilakah projek tersebut akan dimulakan?
6. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar apabila Lesen Tumpangan Sementara ditukar menjadi geran kekal di kampung-kampung baru tuan-punya dikehendaki membayar wang proses sebanyak lebih kurang \$10,000.00 yang mana adalah diluar kemampuan dan keupayaan penduduk yang tinggal di kampung-kampung baru itu? Jika ya, apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini?

7. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa untuk membina lebih dari dua buah rumah di atas tanah pertanian yang luasnya lebih daripada 2 ekar, tuan-punya tanah dikehendaki menukar syarat kegunaan untuk tujuan perumahan? Bagaimana pun, di kawasan luar bandar seperti di Seberang Perai Selatan, adalah menjadi kebiasaan bagi ibu-bapa, anak-anak dan saudara-mara mereka tinggal setempat. Oleh yang demikian, adalah Kerajaan akan melonggarkan syarat menghadkan bilangan rumah yang mungkin akan dibina di atas tanah pertanian sekiranya rumah-rumah itu cuma diduduki oleh anak-anak dan saudara-mara tuan-punya tanah sahaja?

(VII) Y.B. Encik Md. Noor bin Ahmad bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri membentahu Dewan ini adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menamakan Bangunan Dewan Sri Pinang dengan nama Dewan P. Ramli untuk mengambil sempena nama seniman agong itu?
2. Sejak tahun 1980 hingga 1983 ini berapakah jumlah keluasan tanah-tanah Kerajaan yang telah di bawak kepada rakyat negeri ini? Sila sebutkan keluasan tanah bagi setiap pemohon mengikut daerah.
3. Berapakah jumlah rakyat Negeri Pulau Pinang yang dianugerahkan dengan Darjah-Darjah D.U.P.N., D.M.P.N., dan D.S.P.N.? Berapakah pula penerima-penerima yang bukan rakyat negeri Pulau Pinang dan kakitangan Kerajaan yang masih berkhidmat dan bersara?
4. Berapakah kos perbelanjaan bagi membina sebatang jalan raya ke Bukit Bendera?

(VIII) Y.B. Dr. Sak Cheng Lum bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

1. Adakah Kerajaan Negeri akan menjalankan projek menebusguna tanah di kawasan Butterworth? Dimarahkah kawasan yang terlibat dan bilakah projek ini akan dilaksanakan? Adakah projek ini akan menjejaskan penduduk-penduduk di kawasan yang berkenaan?
2. Bagaimanakah Kerajaan Negeri menggunakan kemudahan-kemudahan yang sediada di Universiti Sains Malaysia untuk perancangannya?
3. Apakah kriteria untuk mendapat peruntukan di bawah "Implementation of the Accelerated Rural Roads Programme" untuk memperbaiki atau membuat jalan-jalan kampung? Adakah jalan-jalan tanah di kampung-kampung dalam bandar, misalnya di Kampung Simpah, Kampung Bahru dalam Kawasan Pilihanraya Bagan Jermal layak menerima bantuan tersebut? Bagaimanakah

bantuan ini boleh dipohon?

(B) (Bertulis)

(I) Y.B. Encik Teoh Teik Huat bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini:—

- (a) perkembangan projek Padang Golf Bukit Jambul setakat ini;
- (b) jumlah wang yang telah dibelanjakan setakat ini;
- (c) jumlah perbelanjaan yang dianggarkan untuk keseluruhan projek apabila siap termasuk nilai tanah; dan
- (d) sama ada Kerajaan Negeri akan mengkaji semula seluruh projek tersebut memandangkan kemerosotan ekonomi di mana projek mewah seumpama itu tidak berfaedah kepada rakyat biasa dan wang perbelanjaan serta tanah itu boleh digunakan lebih berfaedah lagi dengan membina unit-unit perumahan kos rendah ataupun taman rekreasi untuk faedah orang ramai?

2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini:—

- (a) jumlah luas ruang yang diperuntukkan bagi tempat letak kereta dan berapa jumlah petak-petak yang boleh diperolehi di KOMTAR apabila keseluruhan projek itu telah siap;
- (b) sama ada kemudahan tempat letak kereta di KOMTAR dapat memuatkan bilangan kereta yang kian bertambah memerlukan ruangan tempat letak kereta apabila projek itu telah siap dan diduduki keseluruhan;
- (c) nilai tanah sekaki persegi bagi tempat letak kereta; dan
- (d) sama ada pemaaju KOMTAR, iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, telah membuat apa-apa bayaran wang sebagai ganti untuk petak-petak letak kereta kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Jika ya, berapakah jumlahnya?

3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini:

- (a) jumlah bayaran sebenar yang telah dijelaskan oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk pembelian ruangan pejabat di KOMTAR dan jumlah luas ruangan pejabat tersebut dan bilangan tingkat yang terlibat;
- (b) jumlah anggaran kos mengubahsuai ruangan pejabat tersebut;
- (c) jumlah kos perabut dan peralatan pejabat yang diperlukan untuk melengkapkan ruangan pejabat tersebut; dan

- (d) jumlah anggaran kos yang diperlukan bagi urusan perpindahan ke ruangan pejabat baru di KOMTAR?
4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini:—
- sejak tertubuhnya 8 kawasan perindustian di Pulau Pinang, berapa buah kilang telah didirikan dalam kawasan-kawasan itu;
 - nama-nama kilang tersebut serta jenis pengeluaran; dan
 - bilangan kilang yang telah ditutup, beri nama kilang-kilang tersebut dan sebab-sebab mengapa kilang-kilang itu ditutup?
5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini berapakah jumlah wang yang sebenar dan berapa peratuskah daripada peruntukan anggaran pembangunan daripada Belanjawan tahun ini yang telah dibelanjakan sehingga 30.6.1983 untuk kepala-kepala berikut:—
- Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan.
 - Pertanian.
 - Parit dan Taliair.
 - Kerja Raya.
 - Haiwan.
 - Hutan.
 - Hal Ehwal Ugama.
 - Kebun Bunga.
 - Luar Jangka.
6. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini berapakah jumlah wang yang sebenar dan berapa peratuskah daripada peruntukan perbelanjaan mengurus daripada Belanjawan tahun ini yang telah dibelanjakan sehingga 30.6.1983 untuk kepala-kepala berikut:—
- Tanah dan Galian.
 - Pejabat Daerah & Tanah.
 - Kedai-Kedai Tuak.
 - Kebajikan Masyarakat.
 - Pembangunan Bandar dan Kampung.
 - Perbendaharaan Negeri.
 - Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan.
 - Pertanian.
 - Parit dan Taliair.
 - Kerja Raya.
 - Haiwan.
 - Hutan.

(xiii) Hal Ehwal Ugama.

(xiv) Kebun Bunga.

7. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini:—

- (i) Kadar bayaran pampasan tetap apabila mengambil balik tanah dan harta swasta;
- (ii) kadar bayaran tetap yang boleh dibayar kepada setinggan-setinggan apabila memindahkan mereka untuk menggunakan tanah itu bagi projek-projek pembangunan;
- (iii) bilakah kadar-kadar itu ditetapkan; dan
- (iv) bagaimanakah kadar-kadar ini ditetapkan?

8. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan kepada Dewan ini:—

- (i) jumlah keluasan tanah (kaki persegi) yang akan diliputi oleh projek KOMTAR apabila telah siap keseluruhannya;
- (ii) jumlah keluasan tanah yang dibangunkan setakat ini;
- (iii) jumlah wang yang telah dibelanjakan setakat ini;
- (iv) jumlah kos perbelanjaan yang dijangkakan apabila projek itu siap keseluruhannya;
- (v) jumlah hutang Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang berhubung dengan projek KOMTAR setakat ini; dan
- (vi) jumlah bilangan keluarga yang dikehendaki berpindah untuk membolehkan projek KOMTAR dilaksanakan sehingga projek itu siap keseluruhannya?

9. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini:—

- (i) jumlah bilangan unit rumah kos rendah yang telah dibina di antara 1.1.1973 dan 30.6.83; dan
- (ii) peratus pemohon-pemohon Bumiputra dan Bukan Bumiputra yang berjaya dalam setiap rancangan perumahan kos rendah dalam tempoh tersebut?

(II) Y.B. Tuan Haji Yahaya bin Ahmad bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

- 1. Baru-baru ini Kerajaan telah mengadakan Expo Pertanian Negeri Pulau Pinang.
 - (a) Apakah hasil yang kesen-kesen yang diperolehi daripada Expo ini?

(III) Y.B. Encik Song Ban Kheng bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

- 1. (a) Berapakah bilangan tapak simpanan sekolah yang telah diserahkan oleh pemaju-pemaju rancangan perumahan di Seberang Perai kepada Kerajaan Negeri?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri mengambil tindakan untuk

memberitahu Kerajaan Pusat tentang tapak-tapak simpanan sekolah ini dan menggesa pihak yang berkenaan supaya mendirikan sekolah-sekolah untuk mengurangkan keadaan kesesakan di sekolah-sekolah yang terdapat sekarang?

2. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina sebuah dewan serbaguna di Bandar Bukit Mertajam supaya segala kegiatan kebudayaan dan sosial daripada pihak orang ramai mahupun rasmi dapat diadakan secara yang lebih selesa? Jika tidak, beri sebabnya?
3. Adakah Kerajaan Negeri sedar tentang adanya penduduk-penduduk yang bermastautin kurang daripada satu batu dari pusat bandar Bukit Mertajam tetapi tidak dapat menikmati kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik? Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini?
4. Bolehkan Kerajaan Negeri menyewa sebuah bangunan atau sebahagian daripadanya untuk mengendalikan Perpustakaan Awam di Bukit Mertajam sementara menunggu bangunan tetap? Jika tidak, sila beritahu sebab-sebabnya.
5. Sejak soalan mengenai projek memperbesarkan Jalan Aston di Bukit Mertajam saya kemukakan di Mesyuarat Dewan ini pada bulan Disember 1982 yang lalu apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini? Bilakah projek ini dapat disempurnakan?

(IV) Y.B. Encik Liang Thau Sang bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini sama ada Kerajaan akan memperbaiki titi kayu di Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam yang menghubungkan tempat itu dengan Estet Chip Joo, Bukit Tengah?
2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu Dewan ini sama ada Kerajaan Negeri bercadang untuk memperuntukan tanah bagi membina sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan di Seberang Jaya?
3. Penduduk di beberapa perkampungan baru di Seberang Perai Tengah berasa bimbang disebabkan oleh tempoh pajakan tanah mereka yang akan tamat tidak berapa lama lagi. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri beritahu sama ada Kerajaan akan melanjutkan tempoh pejakan mereka? Jika ya, apakah tindakan yang patut mereka ambil?

(V) Y.B. Encik Karpal Singh bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini mengenai butir-butir yang berkaitan dengan penggunaan hasil kutipan zakat dan fitrah dalam Negeri Pulau Pinang selama lima tahun yang lalu?
2. Apakah faedah-faedah yang diperolehi daripada rombongan ke Pesta Medan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri jika ada, dan jumlah wang yang dibelanjakan untuk rombongan tersebut pada setiap tahun?
3. Berapakah jumlah rancangan pertukaran belia yang dianjurkan bersama oleh Kerajaan Negeri dengan negara-negara asing; jumlah perbelanjaan serta jenis-jenis rancangan tersebut? Sekiranya tidak ada rancangan seumpama itu setakat ini, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menganjurkan rancangan seumpama itu?
4. Berapakah jumlah peruntukan bagi tahun 1983 bagi Majlis Sukan Negeri, Majlis Kebudayaan Negeri dan Majlis Belia Negeri?

(VI) Y.B. Encik Lim Heng Tee bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:—

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah projek perumahan murah yang dirancangankan di Perkampungan Permatang Tinggi dan Perkampungan Machang Bubuk akan dilaksanakan?
2. (a) Sila beritahu Dewan ini apakah kemudahan-kemudahan yang akan disediakan di taman yang dicadangkan di Cherok To'kun, Bukit Mertajam?
- (b) Setakat manakah perancangan taman itu telah disiapkan sehingga hari ini?
- (c) Berapa banyakkah yang telah dibelanjakan di atas projek itu setakat ini?
- (d) Berapa banyakkah peruntukan yang telah disediakan bagi tahun 1983 dan 1984?
- (e) Berapakah jumlah peruntukan yang dianggarkan bagi projek tersebut?
3. Jawatankuasa Kerja Negeri telah bersetuju pada tahun 1981 di atas rancangan pembinaan jambatan pejalan kaki berhampiran pasar besar di Jalan Arumugam Pillai, Bukit Mertajam, dan telah mengarahkan pihak Jabatan Kerja Raya membuat rancangan bagi projek itu.
 - (a) Sila beritahu Dewan ini mengenai kedudukan perancangan projek itu sekarang ini.
 - (b) Bilakah projek ini akan dilaksanakan?
 - (c) Berapakah anggaran kos perbelanjaan bagi projek ini?

4. Pihak akhbar telah membuat laporan bahawa Kerajaan Negeri sedang merancang untuk membangunkan Tasek Gelugor, termasuk Kampong Selamat menjadi sebuah kawasan perbandaran yang moden di Seberang Perai Utara agar seimbang dengan keperluan pembangunan di tempat itu.

- (a) Sila terangkan dengan ringkas mengenai rancangan pembangunan Kerajaan Negeri.
- (b) Memandangkan kepada beberapa sekatan dalam pegangan tanah di Kg. Selamat, adakah Pihak Berkuasa Negeri akan mempertimbangkan:—
 - (i) menukar pajakan sementara yang ada sekarang kepada pegangan tetap;
 - (ii) melonggarkan had bilangan rumah-rumah yang boleh dibina di atas tiap-tiap bidang tanah (memandangkan bilangan keluarga yang semakin ramai dan pertambahan penduduk; dan
 - (iii) perlingkungan semula beberapa kawasan bagi tujuan perdagangan dan perindustrian?

5. **Rang Undang-Undang**

- (A) Enakmen Pencen dan lain-lain faedah (Yang diPertuan Negeri), 1983.
- (B) Enakmen (Keanggotaan) Dewan Negeri Pulau Pinang, 1983.

6. **Usul-Usul**

- (A) Y.B. Encik Karpal Singh mencadangkan:—
 “BAHAWA DEWAN YANG MULIA ini memutuskan bahawa undi tidak percaya diluluskan terhadap Y.A.B. Ketua Menteri kerana tidak mempertahankan kejujuran dan kedaulatan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan kerana kepimpinan yang tidak berkemampuan.”
- (B) Y.B. Encik Karpal Singh mencadangkan:—
 “BAHAWA DEWAN YANG MULIA ini memutuskan bahawa Y.B. Datuk T. Subbiah yang bertanggung jawab bagi Jabatan Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang digantikan kerana tidak berkeupayaan menunaikan tugas-tugas yang dikehendaki.”
- (C) Y.B. Encik Karpal Singh mencadangkan:—
 “BAHAWA DEWAN YANG MULIA ini memutuskan bahawa semua ahli-ahli MMK Negeri termasuk Y.A.B. Ketua Menteri mengisytiharkan harta-harta mereka kepada Dewan yang Mulia ini supaya wakil-wakil rakyat yang sah dapat memeriksa butir-butir berkenaan harta-harta ahli-ahli MMK Negeri termasuk Y.A.B. Ketua Menteri untuk kepentingan orang ramai.”

7. **Penangguhan**

Ref: PSUK/PP/007.1.20

SECOND MEETING OF THE SECOND SESSION OF THE
SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY, PENANG TO BE HELD ON
MONDAY, 1ST AUGUST, 1983, AT 9.30 A.M.
AT THE STATE LEGISLATIVE ASSEMBLY CHAMBER,
LIGHT STREET, PENANG.

ORDERS OF THE DAY

1. **Prayer.**

2. **Announcement by Mr. Speaker.**

3. **Presentation of Papers**

No. 10 of 1983 — Statement of Accounts of the Municipal Council Penang Island for the year ending 31st December, 1980.

No. 11 of 1983 — Annual Report of the Penang Development Corporation for the year 1982.

4. **Questions**

(A) (Oral):

(I) The Hon'ble Encik Karpal Singh to ask the Hon'ble the Chief Minister:—

1. Why is Y.B. Datuk T. Subbiah, the State Exco member in charge of the Lands and Mines Department Penang silent over the open letter dated 7th January, 1983 by Y.B. Encik Karpal Singh enquiring whether State land had successfully been alienated to members of the present State Exco including the Honourable the Chief Minister, and if so, when the land was alienated and the area thereof, and the price paid for the land alienated.
2. Are members of the State Exco including the Hon'ble the Chief Minister prepared to publicly declare whether State land has been alienated to them, the area of the land alienated and the price paid for? If not, state the reasons for not making such disclosure in the public interest.
3. (a) Is it proposed to build KOMTAR to its original height of 65 storeys? If so, is the project viable financially owing to the present world recession and the poor financial state of the Penang Development Corporation. (B.D.Q. , the developer of KOMTAR project?
- (b) What is the ultimate cost of the KOMTAR project and what are the sources to finance the project? State the sum

expended so far on the project.

- (c) Is the State Government prepared to review the KOMTAR project in the light of the staggering cost and the inherent dangers of citing Government offices and businesses under one roof particularly in the event of a fire?
 - (d) What was the cause of the fire at the KOMTAR on 22nd January, 1983 and the financial loss occasioned as a result of the fire?
4. When was Bukit Gambier excised from the Land Conservation Act, 1960?
 5. Can the Honourable the Chief Minister reveal to the Hon'ble House the profits or losses incurred by subsidiary companies of the Penang Development Corporation to-date?
 6. What steps have been taken to correct the irregularities in the State Lands and Mines Department which warranted the investigations by the anti-corruption agency in 1980? State the outcome of investigations by the anti-corruption agency.
 7. State the progress in negotiations over compensation for residents affected by the development project at Thean Teik estate.
 8. Is the State Government prepared to re-gazette Bukit Gambier as a non-residential area and develop it for public recreation as proposed by a study team from Universiti Sains Malaysia's environmental research group in June this year? If not, state the reasons.
 9. What compensation has been paid to the occupiers of the eight houses along Jalan Mesjid Negeri affected by the traffic dispersal scheme in the area?
 10. Does the State Government propose to restore the historical Suffolk House in Jalan Ayer Itam?
 11. Does the State Government propose to urge the Federal Government to restore Penang's free-port status? If not, state the reasons.
 12. State the advance given to the District Officer, North East District in respect of the visit of the D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung to Penang this year. On what was this money spent?
 13. Were any personal advances made to civil servants in respect of the D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung's visit to Penang this year? If so, how much and for what purposes?

14. Is the Government prepared to give the statue of Francis Light pride of place in the State instead of its present location which is an insult to the founder of Penang?

(II) The Hon'ble Encik Teoh Teik Huat to ask the Hon'ble the Chief Minister:—

1. (a) (i) Give the names of the 3 representatives from Penang to sit in the PERDA Board.
- (ii) Were these 3 representatives nominated by the State or appointed by the Federal Government?
- (iii) State the reasons why there are only 3 representatives from Penang and not more from Penang as it involves the development of the State.
- (iv) Is it true that the Chairman and the members of the PERDA Board are appointed by the Minister in charge?
- (b) Since the launching of PERDA on 1st June this year, has the Board consulted the State Government on any specific projects or areas earmarked for development? If so, give details. If not, why not?
2. (a) When did the State Government apply for a further sum of \$176.4 million for its low-cost housing projects from the Federal Government?
- (b) What was the response from the Federal Government?
- (c) State the localities and the number of units in each locality the low-cost housing units will be built with the money applied for.
3. Is the Hon'ble the Chief Minister aware that flat units at Taman Free School completed and allocated to successful applicants more than 2 years ago are still unoccupied? If so, will he direct that these unoccupied units be repossessed and re-allocated to those in direct need?
4. In view of the fact that there are many disputes between developers and tenants or people occupying private land, will the State Government consider setting up a permanent Committee or Panel to try to resolve and settle such disputes and also serve as a body whereby grievances of landlords and tenants could be channelled to for a advice and solution?
5. Is the Hon'ble the Chief Minister aware that there is a plan to beautify the dual carriage-way from Bayan Lepas International Airport to Green Lane? If so,
 - (a) how will the stretch of road be beautified;

- (b) what is the purpose of the beautification project; and
 - (c) what is the anticipated cost involved in this project?
6. Has the State Government any plan to hand over some of its public services to the private sector in line with the Federal Government's call for greater private sector participation? If so, what are the public services involved in this exercise and when will such takeover be effected?
 7. Will the Hon'ble the Chief Minister state whether the State Government will consider reviewing the twinning of Georgetown and Adelaide project in view of the fact that after almost 10 years and after large sums of money have been spent on the various activities held in conjunction with such a project apart from some contacts between government officials of both cities, the ties between the people of the 2 cities have not got any closer as expected? If so, what is proposed to be done and if not, why not?
 8. Is the Hon'ble the Chief Minister aware that the State Government will be holding a 'Mini Olympic' scheduled to be held at the end of this year? If so,
 - (a) what is the purpose of such a meet in view of the fact that the State already has various sporting meets held annually in the State;
 - (b) what is the anticipated cost needed to organise such a meet; and
 - (c) whether it is viable and advisable under the present economic situation when money is badly needed for social programmes?
 9. Can the Hon'ble the Chief Minister inform this House:—
 - (a) what the Penang Development Corporation engineer meant, when he stated in the press that the tilt of the 3 blocks of 5 storey flats off Lorong Mahsuri in Bayan Baru was due to only a 'construction error';
 - (b) what is the total cost involved to reinforce the foundation to check the tilt and for load-testing carried out to ascertain fitness of the blocks of flats;
 - (c) whether similar load-testing were carried out on the remaining 18 blocks of the flats, if not, will load-testing be carried out on them; and
 - (d) when will the people who purchased these flats expected to move into the flats?
 10. Is the Hon'ble the Chief Minister aware that Taman Tun Sardon flats are of sub-standard with complaints of faulty septic tanks, leaking pipes, overflowing of excreta and collapsing ceilings? If so, will the Chief Minister direct a full-scale investigation to find out the cause of all this with the findings released to the public

and appropriate action taken?

11. Can the Hon'ble the Chief Minister inform this House whether a site has been provided by the State for the construction of a new aquarium? If not, why not? If so, where is the site situated and what is the estimated cost needed to build the aquarium? Will the cost of the construction be borne by the State or the Federal Government or jointly? Will the maintenance of the aquarium be the responsibility of the State or the Federal Government or jointly?
12. Is the Hon'ble the Chief Minister aware that the stretch of beaches along Gurney Drive, Tanjong Bungah and Batu Ferringhi, our major tourist attraction, is now polluted with stretches of the beach and the sea full of rubbish and garbage which stink? If so, what measures have been taken and will be taken by the State Government to control and protect our environment?
13. Although the flood problem in Pengkalan Kota has been raised repeatedly in this Assembly, and in spite of the assurance given in this House that the flood problem in the area will be looked into, why has nothing been done to solve the problem? Will the State Government draw up a plan to permanently solve the flood problem in the area? If so, when and if not, why not?
14. Can the Hon'ble the Chief Minister inform this House whether Bangunan Tuanku Syed Putra will be rented out, leased or sold to the Federal Government when the State Government move to KOMTAR and under what conditions it will be rented out, leased or sold to the Federal Government?
